

TIDAK ADA YANG SUKAR DAN TIDAK ADA YANG PAYAH

MENJADIKAN DUNIA YANG KITA DIAMI INI SYURGA

Ucapan yang tersebut di bawah ini yang diucapkan oleh Tuan Mohammad Natsir bekas Perdana Menteri Indonesia yang sedang melawat negeri-negeri Timur Tengah di dalam ucapannya dihadapan penuntut-penuntut universiti. Ucapan ini adalah patut menjadi jawapan kepada mereka yang mengatakan bahawa agama Islam itu janganlah dijadikan agama negara dengan lebih baik mengikut undang-undang dasar kerajaan India yang ditaja oleh orang Hindu. Ucapan ini diucapkan oleh seorang yang sudah menjadi Perdana Menteri di sebuah negara yang merdeka – tidak oleh seorang yang berangan-angan untuk menjadi Perdana Menteri di sebuah negara yang masih kuat kuku penjajahan yang mencengkamnya. Mudah-mudahan umat Islam insaf kepada tujuan ucapan seorang yang berjiwa Islam itu.

DATO' ONN SILALAH BACA

“Di dalam agama Islam tidak ada gereja-gereja dan cara-cara kepaderian sebagaimana yang ada di dalam agama Kristian dan oleh sebab itu Islam tidaklah menganjurkan pemisahan agama dan masyarakat, bangsa dan negara,” - kata Tuan Muhamamd Natsir Ketua Dewan Pemimpin Masyumi di dalam suatu ucapannya di Karachi.

Natsir menyatakan bahawa Pakistan ialah sebuah negara Islam kerana penduduknya dan kerana pilihan dan Pakistan telah menyatakan bahawa Islam itu sebagai agama negaranya. Akan tetapi Indonesia adalah negeri Islam dan meskipun Islam di Indonesia tidak dijadikan agama negara tetapi undang-undang dasar Republik Indonesia sama sekali tidak meninggalkan soal agama yang ternyata daripada isi Pancasila.

Pakistan sedang menghadapi kewajipan yang besar-besarnya katanya, kerana ia telah mengambil keputusan menyesuaikan undang-undang dasarnya dengan ajaran-ajaran Islam. Hasil percubaan ini akan menjadi ujian bagi seluruh dunia sebab dunia ingin menyaksikan apakah yang kaum muslimin

ertikan dengan pemerintahan Islam itu dan adakah hal sedemikian sesuai dengan asas-asas kemerdekaan beragama bagi sekalian orang dan persamaan sekalian penduduk dihadapan hukum-hukumnya.

Seterusnya ia menyatakan bahawa di luar dunia Islam banyak di dapati salah faham tentang ajaran-ajaran Islam. Kita harus insaf bahawa penghargaan terhadap kepada kebesaran Islam di luar dunia Islam sangat kurang dan bahkan juga di antara kaum muslimin sendiri masih terdapat salah faham tentang tujuan yang sejati dan maksud daripada ajaran-ajaran Islam. Masa penjajahan yang berkurun-kurun di bawah kuasa-kuasa asing telah menghancurkan kedudukan kaum muslimin sesudah pada mulanya mereka mendapat kebesaran dan kemuliaan, sehingga juga dengan kerananya harga diri kaum muslimin telah dirosak.

Akan tetapi dunia Barat yang pernah terletak di bawah kekuasaan Islam belum pernah melepaskan mata daripada kekuatan-kekuatan yang tersembunyi dalam dunia Islam. Usaha kaum muslimin dalam kurun yang ke sembilan belas untuk muncul dalam sebuah dunia yang bersatu (gerakan pan Islam) telah menimbulkan syak dalam lingkungan dunia Barat dan telah

di pandang sebagai bahaya yang mengugat kekuasaannya di tanah-tanah jajahannya yang menjadi gudang bahan mentah bagi kemakmuran negerinya masing-masing

Tulisan-tulisan dari Lothrop Stoddard misalnya, iaitu dunia baharu Islam dan naik pasangny kaum Beruran dan karangan-karangan dalam ensiklopedia Britanica adalah contoh-contoh perasaan permusuhan yang diselimuti. Akan tetapi sebaliknya dunia Islam tidak memperdengarkan suaranya terhadap kepada tuduhan-tuduhan yang palsu ini.

Saya ingin mendapat perhatian tuan-tuan iaitu sebagai contoh tentang kesalahan faham ialah bahawa negara-negara Islam seperti Pakistan ini yang di dirikan di atas dasar agama dan dengan berterus-terang menyatakan bahawa Islam sebagai agama negara itu selalu dituduh akan menjadi negara yang “*Theoritis*” (sebuah negara yang tidak dapat dijalankan amal-amalnya. Sayang benar bahawa bagi lawan-lawan kita itu tidak terang apakah yang mereka maksudkan dengan perkataan “*Theocratis*” (kekuasaan dipegang oleh ulama sebagai pemerintah) – disebalik perasaan tidak suka kepada hal yang tersebut itu.

Kebanyakan orang-orang Amerika memandang negaranya negara Kristian. Roosevelt ialah seorang Kristian yang suka berterus terang tentang keagamaannya dan hampir-hampir tak pernah lupa kekristiannannya dalam seruan-seruan kepada bangsa-bangsa dunia selama Perang Dunia yang baharu lampau itu.

Demikian juga bangsa Inggeris adalah bangsa Kristian dengan agama negara dan dengan seorang raja sebagai ketua dari gereja Anglican (Church of England) dan pembela kepercayaannya. Sebagai akibatnya upacara-upacara keagamaan dalam gereja kerap kali terjadi kehidupan kenegerian demikian juga halnya dengan bangsa Belanda suatu bangsa Kristian, yang dalam undang-undang dasarnya, menetapkan bahawasanya rajanya hendaklah beragama Protestan. Negara-negara ini, sebagaimana juga negara Perancis yang meskipun ia dengan terus terang tidak bersifat keagamaan dalam negaranya

seperti negara-negara Kristian yang lain di Eropah, tetapi selalu memberi bantuan yang besar terhadap kepada usaha-usaha *missionary* (dakwah) di daerah-daerah luar Eropah, di Asia Afrika, Australia dan terutamanya dalam daerah-daerah jajahan dan setengah-setengah jajahan. Hingga kurun yang ke sembilan belas dapatlah dikatakan bahawa Eropah mendirikan kekuasaannya di negara-negara jajahannya dengan cara tiga M *merchannary*, *missionary* dan *military* – iaitu perniagaan, dakwah dan tentera.

Negara Belanda mempunyai pemerintahan Kristian yang dapat perhubungannya dengan gereja semenjak permulaan kurun yang kedua puluh (atau lebih tetap mulai daripada tahun 1903) sampai kepada peperangan dunia yang kedua di dalam tahun 1940. Akan tetapi tidak seorang pun yang akan timbul fikirannya untuk mengatakan bahawa salah satu daripada negara-negara di atas ini akan membentuk suatu pemerintahan yang “*Theocratis*”.

Akan tetapi jika kita telah mencapai kemerdekaan kita menyatakan diri kita sebagai suatu bangsa Islam maka orang mulai berkata bahawa kita akan menjadi “*Theocratis*”.

Ketika menangkis sangkaan-sangkaan bahawa Islam menuju ke arah “*Theocratis*” yang tersebut, Mohammad Natsir berkata bahawa di dalam agama Islam tidak ada kepaderian. Lebih utama lagi ternyata bahawa tak ada gereja dalam agama Islam sebagai halnya di dalam agama Kristian. Oleh kerana itu agama Islam tidaklah menganjurkan pemisahan agama dan siasah, bangsa dan negara.

Sekarang telah tibalah masanya kita melihat kepada diri kita sendiri, sebagai seorang muslimin, sebagai manusia, di dalam Islam tidak ada tempat bagi faham-faham fanatik (taksuf). Tak ada ruangan untuk pernyataan-pernyataan semata-mata dalam agama Islam – apa yang dituntut adalah “bukti”. Menurut Al-Quran Islam adalah agama untuk kemajuan, tetapi kaum muslimin di dalam beberapa kurun yang silam tersangat memusatkan


perhatian terhadap kepada pernyataan, sehingga melalaikan amalan-amalan sama sekali.

Dan hari ini negeri-negeri Islam terhitung negeri-negeri yang sangat terbelakang tetapi tawarikh menunjukkan bahawa suatu masa kita melampaui Eropah dalam hampir semua medan. Ilmu pengetahuan moden muncul dari ilmu pengetahuan Islam, bukan dari otak cerdas pandai Eropah pada kurun pertengahan dunia Barat telah meminjam kepada kita – dan kemudian sesudah kita sendiri kehilangan jalan dalam perselisihan yang tidak ada gunanya. Dunia Barat telah maju meninggalkan kita harus sekarang kita sedang sedar untuk bangkit semula. Banyak di antara kita yang yakin bahawa Allah telah memberikan kepada kita suatu peluang baharu, dan banyak daripada kita yang bersiap untuk maju ke hadapan – bukan sahaja menuju ke arah syurga di alam yang baqa' tetapi juga untuk menjadikan dunia yang kita diami ini menjadi syurga. Dan ini harus didapati jika kita amalkan Islam bukan hanya diperkatakan sahaja Islam.

Kita harus memberi apa-apa yang baik kepada belia-belia kita – jika tidak maka kita tetap akan kalah. Kita sedang berada di ambang penyentu masa yang besar dan peluang-peluang untuk bangkit sedang diserahkan kepada kita. Tetapi kita tak dapat bangkit dengan membulat sahaja. Kita hanya dapat bangkit dengan bekerja dan bersatu.

Islam lebih baik daripada kapitalisme dan komunisme. Tetapi janganlah kita tinggal diam sahaja. Kita harus menunjukkan kepada dunia luar bahawa kita mempunyai sesuatu yang baharu untuk diberikan kepada dunia. Kita harus memusatkan diri kepada cara dan jalan Nabi Muhammad (SAW)

Akhirnya Mohammad Natsir menyatakan : pilihan kita telah



Bekas Perdana Menteri Indonesia Tuan Mohammad Natsir (ditengah) bersama-sama dengan Tuan Basuidan (di kirinya) telah melawat negeri-negeri Islam, gambar menunjukkan ketiga-tiga pelawat-pelawat itu tiba di Karachi dengan disambut dengan sambutan-sambutan yang memuassakan. (gambar PIS)

-----*-----*

ditentukan ketika kita di zahirkan. Nasib kita telah tertulis – untuk masing-masing kita – pada saat kita di zahirkan daripada orang tua kita yang beragama Islam.

Kita menuju kepada jalan yang ditunjukkan Tuhan kepada kita!

“Jika akan pecah lagi suatu peperangan besar maka, kita harus menyerahkan jiwa kita kepada kemahuan Tuhan dan menuju ke jalan yang ia tunjukkan – jalan yang suatu masa telah kita jalani, suatu masa ketika dalam dunia yang gelap ini ditimbulkan cahaya oleh umat Islam.”

-dipetik daripada harian abadi Jakarta.

Sudah Siap!

Boleh Pesan Sekarang!!

PUTERI SEPANYOL atau Tariq bin Ziad

karangan Jarji Zaidan – diMelayukan oleh Abdullah

Basmeh (2 penggal tamat) sepenggal \$1.20 pos 10 sen.

(sambungan dari muka 5)

“Bahkan” – jawabnya.

“Dengan itu menjadilah arang batu dan emas yang telah diketahui oleh orang ramai serta lain-lain logam telah disedari oleh mereka akan gunanya. Ada pun wap yang telah disaksikan dengan mata kepala mereka dalam makanan dan minuman serta barang-barang masakan mereka maka mereka tidak mengetahui akan hasilnya dan kerana itu mereka telah luput daripada menerima faedahnya.”

Jawabnya.

Demikianlah halnya Al-Quran maka sahabat akan mendapati ayat yang memperikan hukum wuduk dan ayat-ayat yang memperikan hukum-hukum haji dan sembahyang telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh imam-imam mazhab yang kebilangan itu radiyallahu anhum ajmain sehingga tidak ada sesiapa-sesiapa yang berkehendakkan huraian lagi. Demikian juga lain-lain hukum. Beribu-ribu kitab telah dikarang oleh ulama Islam dalam masa yang tiga belas kurun itu menjelaskannya satu persatu sehingga akal fikiran dan kehendak-kehendak orang ramai telah tertumpu kepada hukum-hukum yang tersebut dengan tidak mereka mementingkan perkara-perkara yang lain lagi dan sehingga menjadilah kitab Quran itu dibaca untuk diambil berkatnya sahaja dan dengan itu hilanglah tujuan yang utama daripada membacanya.

“Apakah bezanya di antara firmannya : *“Aghsilu ujuhakum”* (basuhlah kamu akan muka-muka kamu). Dengan firmannya: *“fabhadahum iqtadahū”* (maka dengan pertunjuk mereka – Nabi-nabi itu – berpandulah oleh mu – hai Muhammad.)

“Dan apakah bezanya di antara firmannya: *“walabuyahu likulli wahid minhuma sudus mimma taroq in kana lahu waladu”* (dan bagi kedua ibu bapanya, bagi tiap-tiap seorang daripada keduanya ialah seperenam daripada barang yang telah ditinggalkan olehnya, kiranya ia ada anak lelaki). Dengan firmannya: *“falamma ra’ailqamaru bazagha qala haza rabbi..”* (maka apabila ia – Nabi Ibrahim – melihat bulan

Terbit, berkatalah ia : ini ialah Tuhanku.....)

Tidaklah pula ayat yang mengenai hukum pusaka itu telah diterangkan Tuhan dengan panjang lebar, dan tidak pula ayat-ayat yang menyuruh menyaksikan dan mengkaji akan kedudukan bintang-bintang, matahari, bulan, barang-barang galian (logam) tumbuh-tumbuhan, binatang-binatang, dan penyiasatan yang mengenai belah membelah (al-tasyrik) telah dihuraikan oleh Tuhan dengan panjang lebar. Tidakkah semuanya ini isi Al-Quran?

Bagaimana pula tentang firmannya: *“wa annalahul hadid”* (dan kami telah melembutkan besi baginya – yakni bagi Daud) dan firmannya : *“wa sakhoronalahū al’rihk”* (dan kami telah mudahkan angin baginya – yakni bagi Nabi Sulaiman) dan firmannya lagi: *“wa sakhorolakum ma fis samawati wa ma fil ardhi jaman minhu”* (dan ia telah memudahkan bagi kamu akan barang yang terkandung di langit dan barang yang terkandung di bumi semuanya – ialah limpah kurnia – daripadanya). Kalau Nabi-nabi telah dikurniakan sebahagian daripada nikmat-nikmatnya yang besar itu maka Tuhan telah mengurniakan segala-segalanya yang terkandung di langit dan di bumi kepada sekalian hambanya. Tuhan telah berfirman menghendaki Nabi Muhammad (SAW) berpandu kepada nabi-nabi yang terdahulu, sedang nabi-nabi itu ada yang telah bersyukur kepada Tuhan kerana nikmat angin ada yang telah bersyukur kepadanya kerana nikmat besi dan lain-lain logam, ada yang telah menyelidiki perihal matahari, bulan dan bintang-bintang, dan seterusnya. Apa tidakkah sepatutnya kita menyambut nikmat-nikmat Allah sambil kita menyelidiki akan segala apa yang terkandung di dalam bumi dan langit kerana menurut jejak nabi-nabi dan kerana menghormati firman-Nya: “dan ia telah memudahkan bagi kamu akan isi langit dan bumi, semuanya adalah kurnia yang limpah – daripadanya”

Sedang balasan orang yang tidak membesarkan nikmat-nikmat tersebut ialah luput daripada menerima sebarang faedah yang terkandung di dalamnya. Syukur akan sesuatu nikmat tidak ada ertinya kalau tidak kita menggunakan nikmat itu menurut bagaimana yang sepatutnya. Tidakkah kita telah disuruh

bersyukur akan nikmat-nikmat-Nya sebagaimana firman-Nya : “*az karuu nikmatiyallati an’amtu alaikum*” (kenanglah nikmat-Ku yang telah ku kurniakan kepada kamu) dan firman-Nya “*wasy kuruli wa la takfurun*” (dan syukur kamu bagi-Ku serta jangan kamu kufur).

Tidakkah bermakna kita telah tidak megenang akan nikmat Tuhan dan menderhaka tatkala kita membiarkan kejadian-kejadian Tuhan yang mendatangkan faedah itu? Adakah layak sikap yang demikian bagi orang-orang Islam, jelasnya layakkah orang-orang Islam terhitung suatu umat yang tidak berperasaan syukur? Di mana perginya akal fikiran luas yang telah dijadikan oleh Tuhan untuk mencipta?

Sayang akal fikiran orang-orang Islam yang bergeliga itu telah terbelenggu malah telah disia-siakan kecerdasannya dan kebijaksanaannya tatkala mereka tampil mengarang beratus-ratus kitab di dalam ilmu tauhid, sedang golongan ini telah pun hilang lenyap dan pupus. Sesungguhnya kitab-kitab yang berkenaan ilmu tauhid inilah yang menjadi bala dan kemalangan yang pertama-tama yang telah menimpa umat Islam dan inilah yang telah melencongkan mereka daripada mengkaji rahsia-rahsia nikmat-nikmat Tuhan yang terkandung di langit dan di bumi. Padahal kitab-kitab ilmu tauhid tersebut tidak pula boleh mendatangkan yakin dan kepuasan dan tidak pula membawa kemajuan. Akan ayat-ayat Quran yang mengandungi bayangan berkenaan ilmu falak dan ilmu kejadian alam dan lain ilmu pengetahuan adalah mencerdaskan akal fikiran dan mendatangkan pengetahuan-pengetahuan yang berdasarkan yakin serta memajukan masyarakat manusia.

“Tetapi sekarang bagaimana kehendak tuan?” Tanya sahabat itu lagi.

“Kehendak saya ialah tatkala alim ulama kita menyebut di dalam karangan-karangan mereka: bab sembahyang, bab zakat, bab berjual beli, bab harta pusaka dan seterusnya maka mengapa mereka tidak mengarang: perihal rahsia-rahsia kejadian

tabii, perihal falak, perihal binatang-binatang, tumbuh-tumbuhan, benda-benda galian (logam) dan sebagainya” jawab saya kepadanya.

Dengan rupa kehairanan sahabat saya itu bertanya: “Adakah ilmu-ilmu yang tuan sebutkan itu terhitung daripada ilmu agama?”

Bahkan! Segala-galanya itu ialah anti agama dan ialah Islam yang hakiki. Kata saya lagi, malangnya segala-galanya ini telah dicuainya oleh kita dan inilah yang menyebabkan kejatuhan kita, kenanglah sahaja datuk nenek kita yang terdahulu telah memuncak tinggi kemajuannya tatkala mereka mengerjakan ilmu-ilmu yang tersebut itu dan bandingkan kedudukan kita sekarang yang telah kehilangan segala-galanya disebabkan kelalaian kita mencuainya sehingga terpaksa kita menampungnya daripada orang-orang asing!

“Sebenarnya kita telah mewarisi ilmu yang tidak lengkap dari alim ulama kita peringkat yang akhir dan dengan itu bermakna kita telah mengutamakan sebahagian daripada ajaran kitab suci Al-Quran iaitu ilmu fiqh dan kita telah menyembunyikan sebahagian besar daripada ajaran-ajaran kitab suci itu iaitu ilmu pengetahuan yang berbagai-bagai jenisnya yang terkandung di dalam 750 ayat, sedang ayat-ayat itu yang memperikan ilmu fiqh tidak melebihi dari 150 ayat sahaja! Tidakkah sahabat berasa pelik?”

(Pada bilangan akan datang akan dijelaskan bagaimana ilmu-ilmu Islam telah berpindah ke Eropah sehingga telah kembang biak lalu menzahirkan tamadun dunia yang sedang tersergam di hadapan kita pada hari ini.)

FARIDAH HANUM

Setia asyik kepada ma'syuknya

4 penggal – sepenggal \$1.00 – pos 10 sen.

Beli 4 penggal sekali tiada kena belanja pos.
